

Angkara laman sosial

Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Sapaan di laman sosial atau aplikasi perbualan, mencetuskan pelbagai bibit perasaan. Bagi pasangan suami isteri, sapaan tidak diundang daripada pihak ketiga, petanda ombak besar membadai.

Tidak terkecuali, bagi individu yang sengaja mendedahkan kerahsiaan rumah tangga, termasuk berkongsi foto peribadi atau luahan ketidakpuasan hati terhadap pasangan, untuk dijadikan 'santapan umum', ia bagaikan sengaja mengundang masalah antara pasangan.

Ada 1,001 cerita negatif berhubung implikasi laman sosial, termasuk antara punca perceraian pasangan di negara ini, ia masih mengundang minat berbillion pengguna terhadapnya tanpa mengira sempadan usia dan jantina.

Fitnah paling besar

Pakar sosial, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran tidak menafikan setiap apa yang ditawarkan di internet menyumbang manfaat positif, termasuk informasi

dan sumber maklumat, tetapi aspek negatif selalunya lebih banyak tersingkap, khususnya dalam kalangan pengguna yang suka 'berkongsi' segala-galanya di alam siber, seolah-olah tidak kisah memaparkan segala-galanya untuk dikongsi masyarakat seluruh dunia.

"Saya menyifatkan laman sosial sebagai fitnah paling besar di alam siber kerana ia boleh menyerang individu dari pelbagai sudut dan boleh terjadi tanpa pengetahuan pemilik akaunnya.

"Apabila berurusan menggunakan internet, segala maklumat dikongsi di seluruh dunia. Paparan luahan rasa atau foto peribadi boleh dijadikan alat oleh individu untuk 'mencucuk' hubungan antara individu atau memangsang niat untuk menjatuhkan individu atau sesebuah rumah tangga.

"Sebenarnya berkongsi gambar keluarga yang bahagia pun, bukan semua orang suka. Tidak mustahil, ada pihak ketiga tidak suka dan cuba merenggut kebahagiaan itu dengan pelbagai cara termasuk memfitnah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi *FAMILI*, berhubung isu laman sosial antara pencetus berlaku perceraian dalam kalangan pasangan di negara ini.

● Muka 7



Mohammad Shatar



» Dedah rahsia rumah tangga, tipu maklumat diri undang masalah antara pasangan



Alam maya cetus hubungan terlarang

Dakwaan media sosial seperti Facebook (FB) dan WhatsApp, menjadi punca berlaku perceraian antara suami isteri ada kebenarannya kerana berdasarkan kes perceraian berlaku akhir-akhir ini, terdapat kes berpunca daripada hubungan terlarang dengan kehadiran pihak ketiga, yang bertemu atau dijumpai melalui alam maya.

Peguam Cara Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Dr Tengku Naufal Tengku Mansor, berkata, komunikasi terjalin menerusi alam maya cenderung untuk menjadi lebih 'beremosi' atau membawa ke tahap menzahirkan rasa hati mendalam, justeru, ia membawa implikasi *bonding*, seterusnya pencetus keakraban dalam suatu hubungan yang hanya bermula di alam maya.

"Hubungan berkenaan boleh menyebabkan hancurnya ikatan suami isteri, apatah lagi sekiranya pihak terbabit, mengambil langkah seterusnya, termasuk pertemuan susulan.

"Saya pernah mengendalikan kaunseling keluarga yang berkaitan dengan isu cinta terlarang ini yang berpunca daripada pertemuan di laman sosial membawa kepada pertemuan empat mata. Juga terdapat situasi pasangan melakukan hubungan di ranjang, selepas beberapa kali bertemu



Dr Tengku Naufal

di lokasi tertentu," katanya.

Hubungan terlarang

Dr Tengku Naufal tidak menafikan, aliran berlaku hari ini sekiranya perkara ini tidak dibendung, perceraian boleh terjadi disebabkan hubungan terlarang yang terbina daripada pertemuan alam maya di media sosial.

"Kepada pasangan yang gemar melayari laman sosial, mereka haruslah sedar dan bijak dalam memastikan batasan menzahirkan perasaan dan adab berinteraksi dalam laman internet sebagai seorang yang sudah berumah tangga.

"Laman sosial atau internet boleh dimanfaatkan sebagai medium menambahkan ilmu pengetahuan, malah boleh dijadikan landasan, mencari sumber rezeki atau pendapatan sampingan. Laman sosial boleh juga mendedahkan mudarat kepada kehidupan rumah tangga sekiranya ia digunakan secara negatif.

"Berkomunikasi secara terus dengan pasangan sendiri atau gunakan media sosial untuk memperkukuhkan hubungan suami isteri, bukan meruntuhkannya," katanya.



Antara punca cerai

◉ Dari muka 6

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2009, menunjukkan secara puratanya, pasangan Islam yang bercerai di negara ini mencatatkan angka mengejutkan iaitu satu pasangan setiap 15 minit dengan kebanyakan kes perceraian berlaku disebabkan pasangan suami isteri tidak begitu menghayati kehendak ajaran agama dalam melayari kehidupan rumah tangga, termasuk tidak menunaikan tanggungjawab sebaik mungkin.

Statistik selama 10 tahun yang direkodkan bahagian pendaftaran cerai di seluruh Malaysia mendapati, kes perceraian semakin meningkat dari tahun ke tahun, daripada 13,403 kes cerai pada tahun 2001 kepada 28,035 pada 2010.

Menerobos kehidupan peribadi

Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata, sebelum berkongsi sebarang maklumat di laman sosial, bertanya kepada diri mengenai niat dilakukan itu, adakah perkongsian itu satu keperluan atau sekadar 'suka-suka'.

"Internet membuka ruang kepada orang luar menerobos ke dalam kehidupan peribadi dan nasihat saya kepada pasangan suami isteri dan semua individu supaya bertindak rasional, sama ada sewaktu ingin berkongsi maklumat atau menerima.

"Bagi pasangan yang pernah atau sedang bergelumang dengan fitnah siber, nasihat saya supaya bersikap rasional. Perlu diingatkan 'orang luar sedang memainkan muzik dan berharap, kita akan menari dengan muzik dimainkan itu,'" katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Helwa Angkatan Belia Islam Malaysia, (Abim)

Fadhlina Sidek, berkata laman sosial antara disenaraikan oleh ramai pasangan yang membawa kes perceraian mereka ke mahkamah termasuk membabitkan hubungan pasangan dengan orang lain yang dikenali di laman sosial sehingga merosakkan perkahwinan.

Jangan sorok status

"Banyak kes pasangan jatuh cinta dengan bekas teman lelaki atau wanita yang ditemui semula di laman sosial atau laman sembang. Sebagai manusia, kita sebenarnya tahu mengenai kesan dan akibat, malah tahu apabila kita berbuat dosa.

"Pesan saya, kita ambil peduli mengenai penggunaan laman sosial dan kerahsiaan sendiri. Kita sendiri tengok bagaimana segelelir individu yang seolah-olah langsung tidak peduli dengan semua itu.

"Meluahkan rasa tidak puas hati terhadap pasangan, berkongsi gambar peribadi dengan orang ramai, bahkan mungkin segala-gala yang tidak sepatutnya berkongsi dengan orang lain," katanya.

Beliau turut menegur sikap individu yang sengaja menyorokkan status diri sebagai bujang kerana ia ia bukan perkara yang boleh dibuat main.

"Keadaan ini boleh menimbulkan syak wasang-

ka," katanya.

Keadaan sama sewaktu aktiviti berbalas sistem pesanan ringkas (SMS) sedikit masa lalu, dan ia bertambah hebat dengan kehadiran media sosial yang membolehkan ramai kenalan lama bertemu dan berhubung semula.

"Tanya diri, perlukah kita mencari pasangan lama? Keadaan sebeginilah yang mencetuskan masalah dalam rumah tangga. Ada orang mencajangkan perlu bagi kita suami isteri untuk selalu periksa telefon pasangan. Bagi saya tidak, kerana kita sendiri tahu, waktu kita membuat dosa," katanya.

Reaksi



"Berkongsi cerita di laman sosial perlu ada batas dan rahsia. Sekiranya suami isteri sedang bergaduh dan mengharap bantuan atau jalan penyelesaian, adalah lebih baik berjumpa dengan kaunselor keluarga kerana tidak ramai rakan yang boleh dipercayai. Begitu juga dengan berkongsi gambar kemesraan antara suami isteri. Pada saya, gambar sebegini tidak seharusnya 'dicanang' ke seluruh dunia."

Maria Ismail